

DETERMINAN PENGABAIAAN WARGA EMAS DI MALAYSIA: PEMBANGUNAN KERANGKA KONSEPTUAL BERASASKAN *SOCIAL ECOLOGICAL THEORY*

Hairulniza Abd Rahman*

*Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perlis, Kampus
Arau, 02600 Arau, Perlis*

**hairulniza@uitm.edu.my*

ABSTRAK

Malaysia sedang menuju status negara menua menjelang tahun 2030, sekali gus meningkatkan keperluan terhadap sistem penjagaan dan perlindungan warga emas yang lebih mampan. Seiring dengan perubahan struktur demografi, isu pengabaian warga emas semakin mendapat perhatian berikutan peningkatan kes yang memberi kesan negatif terhadap kesejahteraan fizikal, psikologi, emosi dan sosial golongan tersebut (WHO, 2022). Walaupun pelbagai inisiatif telah diperkenalkan oleh pelbagai negara namun kajian berkaitan pengabaian warga emas di Malaysia masih tertumpu kepada prevalens dan faktor risiko. Manakala pembangunan kerangka konseptual yang mengintegrasikan faktor individu, keluarga, komuniti dan dasar masih terhad (Mohamed Zaki *et al.*, 2025). Sehubungan itu, kertas kerja konseptual ini bertujuan mencadangkan satu kerangka konseptual berasaskan Social Ecological Theory (SET) bagi menerangkan bagaimana interaksi pelbagai lapisan persekitaran mempengaruhi berlakunya pengabaian terhadap warga emas. Berdasarkan teori ini, faktor pada peringkat individu, interpersonal, komuniti, organisasi dan dasar awam dijangka saling mempengaruhi risiko pengabaian serta kesejahteraan warga emas. Kertas kerja ini mengemukakan cadangan bahawa sokongan keluarga, rangkaian komuniti dan keberkesanan sistem perlindungan sosial berpotensi mengurangkan risiko pengabaian dan meningkatkan kualiti hidup warga emas. Kerangka konseptual yang dicadangkan diharapkan dapat menjadi asas kepada penyelidikan empirikal pada masa hadapan serta membantu pembuat dasar, penyedia perkhidmatan sosial dan institusi kesihatan dalam membangunkan intervensi yang lebih holistik dan bersepadu. Selain memperkayakan literatur berkaitan penuaan dan kesejahteraan sosial, kajian ini turut menyumbang kepada aplikasi Social Ecological Theory (SET) dalam memahami isu pengabaian warga emas dalam konteks masyarakat Malaysia yang semakin menua.

Kata Kunci: Pengabaian, Warga Emas, Penduduk Malaysia, *Social Ecological Theory*.

PENGENALAN

Malaysia dijangka menjadi negara menua dengan peningkatan populasi warga emas. Fenomena ini meningkatkan keperluan terhadap penjagaan sosial, kesihatan dan perlindungan. WHO (2022) dan United Nations (2023) menegaskan bahawa pengabaian warga emas memberi implikasi terhadap kesejahteraan fizikal, psikologi dan sosial. Di Malaysia, jurang kajian masih wujud khususnya yang mengintegrasikan pelbagai aras faktor berdasarkan Social Ecological Theory (Bronfenbrenner, 1979). Di Malaysia, jurang kajian masih wujud khususnya yang mengintegrasikan pelbagai aras faktor berdasarkan SET. Malaysia dijangka berdepan dengan isu pengabaian warga emas yang memberi implikasi terhadap kesejahteraan fizikal dan psikologi, dan dijangka menjadi negara menua dengan peningkatan populasi warga emas. Pada tahun 2024, Malaysia mempunyai kira-kira 2.6 juta penduduk berumur 65 tahun ke atas, mewakili 7.7% daripada jumlah penduduk, sekali gus

menghampiri status negara menua. Sebahagian besar warga emas tinggal di rumah persendirian bersama ahli keluarga, manakala hanya sebahagian kecil ditempatkan di institusi jagaan. Trend semasa turut menunjukkan peningkatan bilangan warga emas yang tinggal bersendirian, yang meningkatkan risiko pengabaian sosial dan kesunyian.

KAJIAN LITERATUR

Pengabaian warga emas merangkumi kegagalan memenuhi keperluan asas, penjagaan, sokongan emosi dan keselamatan. SET menjelaskan bahawa tingkah laku dipengaruhi oleh interaksi faktor individu, keluarga, komuniti, organisasi dan dasar. Kajian terdahulu menunjukkan sokongan keluarga, jaringan komuniti dan akses kepada perkhidmatan sosial mampu mengurangkan risiko pengabaian. Namun, kebanyakan kajian di Malaysia tertumpu kepada prevalens dan belum menguji model menyeluruh. Kajian Malaysia Ageing and Retirement Survey (MARS) menunjukkan bahawa kira-kira 8–10% warga emas di Malaysia tinggal bersendirian, dengan peratusan lebih tinggi dalam kalangan wanita dan mereka yang kehilangan pasangan. Kajian ini turut menyasarkan warga emas yang tinggal bersendirian mempunyai risiko lebih tinggi terhadap kesunyian, kemurungan dan masalah kesihatan berbanding mereka yang tinggal bersama ahli keluarga. Berikut ialah statistik terkini penduduk warga emas mengikut negeri di Malaysia berdasarkan Current Population Estimates, Malaysia 2024 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Statistik ini merujuk kepada peratus penduduk berumur 65 tahun dan ke atas bagi setiap negeri :

Jadual 2.1 Carta Kependudukan (Adaptasi dari Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024)

Carta Kedudukan	Negeri	Peratusan Warga Emas Umur 65+
1	Perak	9.9%
2	Kedah	9.1%
3	Sarawak	8.7%
4	Perlis	8.2%
5	Selangor	8.1%

Berdasarkan Jadual 2.1, merekodkan Perak sebagai negeri yang paling ramai berhadapan peratusan bilangan warga emas sebanyak 9.9% diikuti negeri Kedah 9.1%, Sarawak 8.7%, Perlis 8.2% dan Selangor 8.1%. Sorotan itu, kajian ini akan memfokuskan ketiga-tiga negeri di utara Malaysia yang mencatatkan peratusan tinggi dalam carta kependudukan di Malaysia tahun 2024. Statistik menunjukkan bahawa warga emas juga ada yang tinggal di rumah persendirian (private households) dan bukan di institusi jagaan, atau bersama keluarga mereka. Berdasarkan DOSM (2024), bilangan penduduk Malaysia ialah 34.5 juta dan daripada jumlah itu, lebih 2 juta (7.7%) ialah warga emas. Laporan juga menyatakan secara am bahawa majoriti warga emas tinggal bersama keluarga sendiri. Walau bagaimanapun, perlu dijelaskan bahawa Malaysia tidak mempunyai statistik rasmi yang menyatakan secara khusus berapa ramai warga emas tinggal bersendirian di rumah atau bersama keluarga setiap tahun.

Kajian ini melandaskan kerangka konsep Social Ecological Theory (SET) yang diperkenalkan oleh penulis Bronfenbrenner pada tahun 1979. Teori tersebut menjelaskan bahawa faktor pada pelbagai aras ekologi mempengaruhi kesejahteraan individu melalui pengalaman hidup mereka. Dalam konteks ini, pengabaian merupakan mekanisme yang menghubungkan faktor-faktor ekologi dengan kesejahteraan warga emas. Sorotan kajian ini menggunakan Social Ecological Theory (SET) yang diperkenalkan oleh Bronfenbrenner (1979) sebagai teori asas bagi menerangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pengabaian warga emas di Malaysia.

Teori ini menegaskan bahawa tingkah laku, kesejahteraan dan pengalaman hidup seseorang individu tidak dipengaruhi oleh satu faktor secara bersendirian; sebaliknya, ia terbentuk melalui interaksi yang kompleks antara individu dengan pelbagai lapisan persekitaran sosial. Bronfenbrenner (1994) kemudiannya memperkukuh teori ini melalui Bioecological Model, yang menjelaskan bahawa perkembangan dan kesejahteraan individu dipengaruhi oleh hubungan dinamik antara faktor individu, keluarga, komuniti, organisasi, dan dasar masyarakat. Dalam konteks pengabaian warga emas, Social Ecological Theory amat sesuai digunakan kerana isu pengabaian bukan sahaja berpunca daripada kelemahan individu warga emas, malah turut dipengaruhi oleh hubungan kekeluargaan, jaringan komuniti, keberkesanan institusi serta pelaksanaan dasar awam. Justeru, teori ini menyediakan kerangka yang komprehensif untuk memahami bagaimana faktor-faktor pada setiap aras ekologi saling berinteraksi sehingga meningkatkan atau mengurangkan risiko pengabaian warga emas (WHO, 2022).


Pada peringkat individu (*individual level*), kajian ini mengukur faktor individu sebagai pemboleh ubah bebas (IV). Faktor ini merangkumi aspek seperti umur, status kesihatan fizikal, kesihatan mental, tahap kebergantungan, kedudukan ekonomi dan keupayaan menjalankan aktiviti harian. Warga emas yang mengalami kemerosotan kesihatan, ketidakupayaan fizikal, masalah kewangan atau pengasingan sosial lazimnya lebih bergantung kepada ahli keluarga atau penjaga. Keadaan ini boleh meningkatkan kerentanan mereka terhadap pengabaian sekiranya keperluan asas tidak dipenuhi secara berterusan (WHO, 2022; United Nations, 2023). Oleh itu, faktor individu dijangka mempunyai hubungan yang signifikan dengan kejadian pengabaian warga emas. Pada peringkat ini juga pemboleh ubah bebas (IV), interpersonal (*interpersonal level*) kajian ini memberi penekanan kepada sokongan keluarga. Keluarga merupakan sistem sokongan utama yang bertanggungjawab menyediakan penjagaan fizikal, emosi dan kewangan kepada warga emas. Hubungan kekeluargaan yang harmoni, komunikasi yang baik dan tahap komitmen penjaga yang tinggi mampu mengurangkan risiko pengabaian. Sebaliknya, konflik keluarga, tekanan penjaga (*caregiver burden*) serta kekurangan sumber boleh menyumbang kepada pengabaian warga emas. Oleh itu, sokongan keluarga dijangka memainkan peranan penting dalam mengurangkan kejadian pengabaian.

Seterusnya, pada peringkat komuniti (*community level*), kajian ini menilai sokongan komuniti sebagai pemboleh ubah bebas (IV), termasuk penglibatan masyarakat, hubungan kejiranan, penyertaan dalam aktiviti sosial serta akses kepada rangkaian sokongan setempat. Menurut SET, komuniti yang inklusif dan prihatin mampu bertindak sebagai mekanisme perlindungan melalui pemantauan sosial, bantuan sukarela dan penyediaan aktiviti yang mengurangkan pengasingan sosial dalam kalangan warga emas. Dengan itu, sokongan komuniti dijangka dapat mengurangkan risiko pengabaian dan meningkatkan kesejahteraan warga emas. Pada peringkat organisasi (*organizational level*), kajian ini menumpukan kepada sokongan organisasi, termasuk perkhidmatan kesihatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pusat aktiviti warga emas dan institusi penjagaan. Organisasi memainkan peranan penting dalam menyediakan akses kepada perkhidmatan, intervensi awal, program pendidikan serta mekanisme pelaporan kes pengabaian. Organisasi yang responsif dan mudah diakses mampu meningkatkan perlindungan sosial serta mengurangkan risiko pengabaian warga emas.

Akhir sekali, peringkat dasar awam (*public policy level*) diwakili oleh keberkesanan dasar awam sebagai pemboleh ubah bebas (IV), yang merangkumi dasar perlindungan warga emas, bantuan kewangan, undang-undang, polisi penjagaan jangka panjang dan keberkesanan pelaksanaan program kerajaan. Menurut Social Ecological Theory, dasar awam membentuk persekitaran makro yang mempengaruhi keberkesanan sistem sokongan pada semua peringkat. Pelaksanaan dasar yang komprehensif mampu memperkukuh kapasiti keluarga, komuniti dan organisasi dalam melindungi kebajikan warga emas serta mengurangkan kejadian pengabaian. Berdasarkan kerangka ini, kajian memilih pengabaian warga emas

sebagai pemboleh ubah pengantara (*mediator*) yang menghubungkan faktor-faktor ekologi dengan meletakkan kesejahteraan warga emas (*elder well-being*) sebagai pemboleh ubah bersandar (DV). Faktor individu yang berisiko tinggi serta kelemahan pada peringkat keluarga, komuniti, organisasi dan dasar dijangka meningkatkan kemungkinan berlakunya pengabaian. Pengabaian tersebut seterusnya memberi kesan negatif terhadap kesejahteraan fizikal, psikologi, emosi dan sosial warga emas. Sebaliknya, sistem sokongan yang kukuh pada setiap aras ekologi dijangka mengurangkan pengabaian dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup warga emas. (Sila rujuk Gambar rajah 2.1)

Oleh itu, penggunaan Social Ecological Theory dalam kajian ini bukan sahaja menyediakan asas teori yang kukuh untuk menerangkan hubungan antara pemboleh ubah bebas, mediator dan pemboleh ubah bersandar, malah membantu menjelaskan bahawa usaha menangani pengabaian warga emas memerlukan pendekatan bersepadu yang melibatkan individu, keluarga, komuniti, organisasi dan pembuat dasar. Pendekatan pelbagai aras ini sejajar dengan agenda penuaan sihat yang digariskan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan Pelan Tindakan Penuaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi memastikan kesejahteraan warga emas dapat dipelihara secara mampan.



Gambar rajah 2.1. Kerangka Konsep Kajian.

PEMBANGUNAN HIPOTESIS

Kajian ini melibatkan lima hipotesis yang akan mengukur hubungan antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar.

H1: Faktor individu mempunyai hubungan positif dengan pengabaian warga emas.

Faktor individu merujuk kepada ciri-ciri peribadi warga emas seperti umur, status kesihatan fizikal, kesihatan mental, tahap kebergantungan, fungsi kognitif dan kedudukan sosioekonomi. Menurut Social Ecological Theory (SET), kelemahan pada peringkat individu meningkatkan kerentanan seseorang terhadap risiko pengabaian. Warga emas yang mengalami penyakit kronik, ketidakupayaan fizikal atau masalah kewangan lazimnya memerlukan tahap penjagaan yang lebih tinggi. Sekiranya keperluan tersebut tidak dipenuhi oleh penjaga atau ahli keluarga, risiko pengabaian akan meningkat. Oleh itu, kajian ini menghipotesiskan

bahawa faktor individu mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan pengabaian warga emas.

H2: Sokongan keluarga mempunyai hubungan negatif dengan pengabaian warga emas.

Sokongan keluarga merupakan elemen utama pada peringkat interpersonal dalam Social Ecological Theory yang mempengaruhi kesejahteraan warga emas. Sokongan ini merangkumi bantuan emosi, kewangan, penjagaan harian, komunikasi yang baik dan hubungan kekeluargaan yang harmoni. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa keluarga yang memberikan sokongan secara konsisten dapat mengurangkan risiko pengabaian serta meningkatkan kesejahteraan warga emas. Sebaliknya, konflik keluarga, tekanan penjaga dan kekurangan komitmen boleh meningkatkan kemungkinan berlakunya pengabaian. Oleh itu, kajian ini mencadangkan bahawa semakin tinggi tahap sokongan keluarga, semakin rendah risiko pengabaian warga emas.

H3: Sokongan komuniti mempunyai hubungan negatif dengan pengabaian warga emas.

Sokongan komuniti merujuk kepada penglibatan masyarakat, hubungan kejiranan, penyertaan dalam aktiviti sosial serta kewujudan jaringan sokongan setempat yang membantu warga emas menjalani kehidupan dengan lebih sejahtera. Berdasarkan Social Ecological Theory, komuniti yang aktif dan inklusif berfungsi sebagai mekanisme perlindungan melalui pemantauan sosial, bantuan sukarela dan akses kepada sumber komuniti. Persekitaran komuniti yang menyokong dapat mengurangkan pengasingan sosial dan memudahkan pengesanan awal terhadap kes pengabaian. Oleh itu, kajian ini menghipotesiskan bahawa sokongan komuniti mempunyai hubungan negatif dan signifikan dengan pengabaian warga emas.

H4: Sokongan organisasi mempunyai hubungan negatif dengan pengabaian warga emas.

Sokongan organisasi merangkumi peranan institusi kesihatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pusat aktiviti warga emas dan agensi berkaitan dalam menyediakan perkhidmatan, perlindungan serta intervensi kepada warga emas. Menurut Social Ecological Theory, organisasi berfungsi sebagai sistem sokongan formal yang membantu memenuhi keperluan warga emas dan mengurangkan faktor risiko pengabaian. Organisasi yang responsif serta mudah diakses mampu menyediakan bantuan awal, khidmat kaunseling dan saluran pelaporan yang berkesan. Oleh itu, kajian ini mencadangkan bahawa sokongan organisasi mempunyai hubungan negatif dan signifikan dengan pengabaian warga emas.

H5: Keberkesanan dasar awam mempunyai hubungan negatif dengan pengabaian warga emas.

Keberkesanan dasar awam merujuk kepada sejauh mana dasar, undang-undang dan program kerajaan mampu melindungi kebajikan serta hak warga emas. Dalam Social Ecological Theory, dasar awam berada pada peringkat makro yang membentuk persekitaran sosial dan institusi yang mempengaruhi kesejahteraan individu. Pelaksanaan dasar yang komprehensif, bantuan kewangan, perlindungan undang-undang dan penyediaan perkhidmatan sosial yang berkesan dijangka mengurangkan risiko pengabaian warga emas. Oleh itu, kajian ini menghipotesiskan bahawa semakin berkesan pelaksanaan dasar awam, semakin rendah kejadian pengabaian warga emas.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian keratan rentas (*cross-sectional survey*) bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pengabaian warga emas di Malaysia. Reka bentuk ini dipilih kerana membolehkan data dikumpulkan daripada responden pada satu tempoh masa tertentu serta sesuai untuk menguji hubungan antara pemboleh ubah berdasarkan kerangka Social Ecological Theory (SET). Pendekatan kuantitatif juga membolehkan analisis statistik dijalankan secara sistematik bagi mengesahkan hipotesis yang dicadangkan.

Populasi kajian terdiri daripada warga emas berumur 60 tahun dan ke atas yang menetap di tiga buah negeri di Utara Semenanjung Malaysia, iaitu Perak, Kedah dan Perlis. Pemilihan ketiga-tiga negeri ini adalah berasaskan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang menunjukkan negeri-negeri tersebut mempunyai peratusan penduduk warga emas yang tinggi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Oleh itu, kawasan kajian ini dijangka dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pengabaian warga emas dalam konteks masyarakat yang sedang mengalami proses penuaan penduduk.

Kaedah persampelan berstrata (*stratified sampling*) digunakan bagi memastikan setiap negeri diwakili secara seimbang, manakala persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan untuk memilih responden yang memenuhi kriteria kajian, iaitu warga emas berumur 60 tahun dan ke atas yang tinggal dalam komuniti. Berdasarkan cadangan Hair *et al.* (2022) bagi analisis Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM), saiz sampel sekitar 400 responden adalah mencukupi untuk menghasilkan analisis yang stabil dan mempunyai kuasa statistik yang baik.

Instrumen kajian menggunakan borang soal selidik berstruktur yang dibahagikan kepada beberapa bahagian, meliputi maklumat demografi, faktor individu, sokongan keluarga, sokongan komuniti, sokongan organisasi, keberkesanan dasar awam, pengabaian warga emas dan kesejahteraan warga emas. Semua item diukur menggunakan Skala Likert lima mata, daripada 1 (Sangat Tidak Setuju) hingga 5 (Sangat Setuju), dan diadaptasi daripada instrumen yang telah disahkan dalam kajian-kajian terdahulu. Kesahan kandungan instrumen akan dinilai oleh panel pakar, manakala kebolehpercayaan konstruk akan diuji melalui kajian rintis sebelum pengumpulan data sebenar dijalankan.

Data yang diperoleh akan dianalisis menggunakan SmartPLS 4. Analisis dimulakan dengan penilaian model pengukuran (*measurement model*) bagi menguji kesahan konvergen, kesahan diskriminan dan kebolehpercayaan konstruk. Seterusnya, model struktur (*structural model*) akan dianalisis untuk menguji hubungan antara pemboleh ubah, termasuk kesan langsung dan kesan pengantaraan berdasarkan hipotesis yang dicadangkan. Pendekatan ini membolehkan penilaian yang menyeluruh terhadap model konseptual serta mengesahkan kesesuaian Social Ecological Theory dalam menerangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pengabaian warga emas di Malaysia.

KESIMPULAN

Kajian ini menyediakan asas kepada pembangunan model empirikal bagi memahami determinan pengabaian warga emas di Malaysia. Dapatan dijangka membantu pembuat dasar, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan organisasi berkaitan membangunkan intervensi yang lebih efektif. Kajian ini menyediakan asas kepada pembangunan model empirikal bagi memahami determinan pengabaian warga emas di Malaysia. Dapatan dijangka membantu

pembuat dasar, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan organisasi berkaitan membangunkan intervensi yang lebih efektif.

RUJUKAN

- Bronfenbrenner, U. (1994). Ecological models of human development. In T. Husén & T. N. Postlethwaite (Eds.), *International encyclopedia of education* (2nd ed., pp. 1643–1647). Elsevier.
- Bronfenbrenner, U., & Morris, P. A. (2006). The bioecological model of human development. Dalam W. Damon & R. M. Lerner (Eds.), *Handbook of child psychology* (6th ed.). Wiley.
- Department of Statistics Malaysia. (2024-2025). Laporan statistik penduduk menua di Malaysia. <https://www.dosm.gov.my>
- Department of Statistics Malaysia. (2025). Current population estimates, Malaysia, 2025. Department of Statistics Malaysia. <https://www.dosm.gov.my>
- Department of Statistics Malaysia. (2024). Current population estimates by administrative district, Malaysia. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Department of Statistics Malaysia. (2020). Population and Housing Census of Malaysia 2020. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Hair, J. F., Hult, G. T. M., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2022). *A primer on partial least squares structural equation modeling (PLS-SEM)* (3rd ed.). SAGE.
- Mohamed Zaki, N. F., Mohd Hairi, F., Sooryanarayana, R., Hairi, N. N., Choo, W. Y., & Peramalah, D. (2025). Scoping the conceptualizations of elder abuse and neglect: A perspective from older adults. *Asia-Pacific Journal of Public Health*, 37(2), 123–134. <https://doi.org/10.1177/10105395251362559>
- Sooryanarayana, R., Ganapathy, S. S., Wong, N. I., Rosman, A., Choo, W. Y., & Hairi, N. N. (2020). Elder abuse: Nationwide findings among community-dwelling Malaysian older persons. *Geriatrics & Gerontology International*, 20(Suppl. 2), 85–91. <https://doi.org/10.1111/ggi.13989>
- United Nations. (2023). World social report 2023: Leaving no one behind in an ageing world. United Nations. <https://www.un.org/development/desa/dspd/world-social-report/2023-2.html>
- World Health Organization. (2022). Integrated care for older people (ICOPE): Guidance for person-centred assessment and pathways in primary care. World Health Organization. <https://www.who.int/publications/i/item/WHO-FWC-ALC-19.1>

